



# CETUSAN

DR. MOHAMAD KHIR TOYO

9595  
KT

*Pendahuluan*  
**Johan Jaaffar**



MADANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PEGAWAI



# CETUSAN

DR. MOHAMAD KHIR TOYO

Pendahuluan oleh  
Johan Jaaffar

PUSTAKA PERDANA



1012333

INSTITUT PERKEMBANGAN MINDA  
(INMIND)  
PETALING JAYA  
2004



Cetakan Pertama 2004  
© Institut Perkembangan Minda (INMIND)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Artikel yang diterbitkan adalah ihsan Berita Harian Sdn. Bhd., Utusan Melayu (M) Berhad dan Star Publication (M) Berhad.

## Tajuk: **CETUSAN DR. MOHAMAD KHIR TOYO**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Khir Toyo, Dato' Seri  
Cetusan Dr. Mohamad Khir Toyo  
ISBN 983-9184-69-5  
1. Malaysia-Politics and Government. 2. Politician-Malaysia.  
3. Malaysia-Foreign Relation. I. Judul.  
320.9595

Muka taip teks:  
Time New Roman 12/15

**Sidang Editor:**  
Mohamad Khairudin Mohamad  
Mazri Mohamad  
Ahmad Syahir Sarani

Diterbitkan oleh:  
**Institut Perkembangan Minda (INMIND)**  
Aras 15, Menara Yayasan Selangor  
No. 18A, Jalan Persiaran Barat off Jalan Timur  
46000 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-7957 4036  
Faks: 03-7957 2240/ 7957 4032  
Laman web: <http://www.inmind.com.my/>  
E-mail: [inmind@streamyx.com](mailto:inmind@streamyx.com) /[penerbitan@inmind.com.my](mailto:penerbitan@inmind.com.my)

Dicetak oleh:  
Adgrafix Communications Sdn. Bhd.  
16, Jln Zirkon E7/E,  
Seksyen 7, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

*Halaman*

## **PENDAHULUAN**

<b>Menggalas Tanggungjawab, Menanyakan Kebenaran</b>	<i>ix</i>
--	-----------

## **1. CETUSAN: ISLAM PROGRESIF**

<b>‘Ulama’ Seleweng Punca Islam Dituduh Tidak Rasional</b>	
<i>Berita Harian, 9 Februari 2002</i>	<i>1</i>

<b>Menyediakan Umat Islam Maju</b>	
<i>Berita Harian, 15 Januari 2003</i>	<i>9</i>

<b>Menangani Militan Agama</b>	
<i>Berita Harian, 17 Februari 2003</i>	<i>15</i>

<b>Kupasan Nik Aziz Mengenai Pahala, Rahmat Mengelirukan</b>	
<i>Utusan Malaysia, 13 Februari 2002</i>	<i>21</i>

<b>Pemimpin PAS Bukan Kalangan Pewaris Anbiya</b>	
<i>Utusan Malaysia, 27 Disember 2002</i>	<i>27</i>

## **2. CETUSAN: MELAYU BARU**

<b>Mengenal Pasti, Mengurus Aliran Perubahan Global</b>	
<i>Berita Harian, 10 April 2002</i>	<i>33</i>

<b>Tiga Cabaran Terdekat Dan Mendatang Untuk UMNO</b>	
<i>Berita Harian, 11 Mei 2002</i>	<i>41</i>

<b>Persaingan Secara Terurus Untuk Bangsa Melayu</b>	
<i>Berita Harian, 20 Jun 2002</i>	49
<b>Pandai Tidak Semestinya Cerdik</b>	
<i>Berita Harian, 25 September 2003</i>	57
<b>Menerap Nilai Kejujuran, Ketekunan Untuk Kemajuan</b>	
<i>Berita Harian, 5 Februari 2004</i>	63
<b>Tiga Peristiwa Hitam Halang Kemajuan Bangsa Melayu</b>	
<i>Berita Harian, 6 Ogos 2004</i>	67

### 3. CETUSAN: POLITIK MATANG

#### Sebab UMNO Tentang PAS

##### Habis-habisan

*Berita Harian, 13 Julai 2002* 73

#### Pembangkang Wajar Teliti Pelawaan PM Demi Negara

*Berita Harian, 13 November 2002* 79

#### Politik Perpecahan Ancam Survival Orang Melayu

*Berita Harian, 28 Oktober 2003* 87

#### UMNO Masih Relevan Susun Politik, Ekonomi Melayu

*Berita Harian, 19 Mei 2004* 93

#### Popular Tidak Semestinya Benar Dalam Politik

*Berita Harian, 21 Julai 2004* 99

#### Apa Akan Berlaku Jika PAS Berkuasa?

*Utusan Malaysia, 13 Februari 2002* 105

<b>Adakah Pembangunan Isu Tepat Menentang PAS?</b>	
<i>Utusan Malaysia, 8 Oktober 2002</i>	111
<b>Orang Melayu Jangan Dibuai Dongengan PAS</b>	
<i>Utusan Malaysia, 29 November 2002</i>	117
<b>Keep Politics Out Of Education</b>	
<i>The Star, 9 Disember 2002</i>	123

#### **4. CETUSAN: KENEGARAAN DAN PERPADUAN**

<b>Dua Sebab Krisis Status Hubungan Kaum Tercetus</b>	
<i>Berita Harian, 16 Ogos 2002</i>	127
<b>Antara Kedinamikan Demokrasi Dan Keperluan Kestabilan</b>	
<i>Berita Harian, 26 Julai 2003</i>	135
<b>Menawan Hati Rakyat Secara Liberal, Terbuka</b>	
<i>Berita Harian, 16 Disember 2003</i>	141
<b>Dasar Perhubungan Kaum Malaysia Terbaik Di Dunia</b>	
<i>Berita Harian, 27 Februari 2004</i>	147
<b>Demokrasi Bukan Alasan Utamakan Agenda Peribadi</b>	
<i>Berita Harian, 14 April 2004</i>	153
<b>Semangat Tiga Patriot Makmurkan Ekonomi Negara</b>	
<i>Berita Harian, 30 Ogos 2004</i>	159
<b>Strive For A Win Win Formula</b>	
<i>The Star, 28 Februari 2002</i>	167
<b>Nation Must Carry On Regardless</b>	
<i>The Star, 3 Julai 2002</i>	171

<b>5. CETUSAN: WIBAWA ANTARABANGSA</b>	
<b>Bakar Jalur Gemilang Kurang Ajar</b>	
<i>Berita Harian, 2 September 2002</i>	177
<b>Masa Sesuai Memperbaharui, Mengukuh</b>	
<b>Peranan PBB</b>	
<i>Berita Harian, 15 April 2003</i>	183
<b>KOLEKSI GAMBAR</b>	189

# PENDAHULUAN JOHAN JAAFFAR

## *Menggalas Tanggungjawab Menanyakan Kebenaran*

TULISAN ahli politik selalunya dicurigai. Mereka tidak mungkin objektif, mereka memihak dan lebih penting lagi mereka punya motif yang tersendiri. Maka itu, sebarang penghasilan ahli politik - apa lagi yang masih aktif berpolitik - mengundang prasangka yang tersendiri. *Cetusan Dr. Mohamad Khir Toyo* tentulah tidak terkecuali.

Supaya berlaku adil, koleksi 30 buah "cetusan" ini bukan ditulis dalam bentuk kertas kerja untuk persidangan atau seminar. Kesemuanya pernah tersiar dalam tiga buah akhbar arus perdana - *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *The Star* - maka menebalkan lagi keyakinan sesetengah pihak tentang kredibiliti dan matlamat rencana-rencana ini.

Maka itu, kita hanya melihat satu aspek dari pemikiran seorang tokoh politik yang juga Dato' Menteri Besar Selangor. Tulisan-tulisan ini tentulah tidak dapat mewakili batas keupayaan seorang pemikir, pemerhati atau penelaah. Tentulah sukar untuk dicari teras kesarjanaan dan keilmuan seorang tokoh dengan tulisan yang sifatnya *populist* dan ditulis

untuk bacaan massa.

Namun demikian, ini bukan berarti kita tidak boleh membaca percikan pemikiran Dr. Mohamad Khir. Malah sebenarnya, kita dapat melihat manikam sebenar pada tokoh politik yang sebenarnya mele-takkan ilmu dan keserjanaan pada persadanya yang betul. Malah banyak pemikiran di dalam rencana ini yang sebenarnya boleh diperkembangkan menjadi wacana bagi memberikan idea sebenar kemampuan dan keupayaan penulisannya. Sekiranya beliau mahu menjadi ideolog bagi parti, bangsa, agama dan negaranya, maka beliau harus bersedia mengupas lebih mendalam pelbagai isu yang beliau sentuh secara permukaan dalam koleksi ini.

Sayang sekali, ahli politik sentiasa dicurigai gerak dan tindakan mereka. Apa lagi, jikalau orang itu ialah Dr. Mohamad Khir, orang yang perlantikannya sebagai Dato' Menteri Besar Selangor memeranjatkan semua orang. Bukanlah bermakna beliau belum berse-dia - cuma sekiranya menggunakan kayu ukur dan kebijaksanaan lama - dan mengambil kira herarki dalam politik UMNO, hujahnya ialah "masih banyak orang lain yang lebih layak."

Tetapi, politik kerana sifat politiknya, selalunya sukar diduga. Dan politik memungkinkan segala-galanya. *Politics is the art of the possible*, kata pemimpin besar Jerman, Otto von Bismarck. Dalam konteks politik Malaysia, bagaimana dan cara mana Dr. Mohamad Khir Toyo dilantik sebagai Menteri Besar sebuah negeri yang sedemikian penting pada 18 Ogos 2000, sebenarnya sedikit luar biasa. Pastilah ada sesuatu yang dilihat oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (sekarang Tun) pada anak muda yang berusia 35 tahun ketika itu.

Dr. Mohamad Khir menjadi Dato' Menteri Besar Selangor yang ke-13, angka itu sendiri bagi banyak orang bukan angka yang menyenangkan. Mengambil kira bahawa kerusi itu ialah kerusi paling panas dan banyak Menteri Besar negeri itu "tumbang" kerana kontroversi, maka banyaklah musuh politik beliau yang melihatnya sebagai "Menteri Besar transisi." Dr. Mohamad Khir terlalu muda, terlalu junior dan terlalu kurang pengalaman untuk memimpin negeri yang sedemikian besar. Bagi yang lain, politik Selangor yang sama di luar duganya seperti kualiti air di pantai Morib, bersedia menumbangkan orang lebih perkasa, inikan pula anak muda setahun jagung.

Tetapi politik dicorakkan oleh pemainnya, bukan sekadar agenda dan niat. Maka itu, sebagai pemain, Dr. Mohamad Khir ternyata bukan sembarangan orang. Kekurangan pengalaman diimbangi oleh komitmen, usia relatif muda ditutup oleh kewarasan tindakan dan intrig politik dalaman Selangor ditanganinya dengan banyak ketegasan, diplomasi dan meminjam perkataan Inggeris, sedikit sebanyak *personal charm*. Pendekatan pro-rakyat, sikap keterbukaan, kesediaannya untuk menangani isu yang kompleks serta membuat keputusan tidak popular - yang boleh menyulitkan banyak pemimpin lain yang belum cukup berpaksi kukuh - sebenarnya menjadi kunci kekuatannya.

Malah Dr. Mohamad Khir menyatakan "kehadirannya" dengan cara yang dramatik di Selangor. Politik Selangor yang sarat dengan segala macam *warlords*, pimpinan suku dan puak serta kental dengan plot yang sama kompleksnya dengan mana-mana novel *thriller* karya John Le Carre, mulai "menerima" beliau.

Beliau bukan tidak terdedah pada kontroversi. Kita harus ingat beliau bertanding kali pertama di Dewan Undangan Sungai Panjang dengan majoriti hanya 165 undi - terlalu tipis untuk berselesa. Malah kebijaksanaan umum ketika itu ialah, jikalau lebih separuh pengundi kawasannya sendiri tidak mahukan beliau pada tahun 1999, bagaimanakah boleh diyakini rakyat Selangor seluruhnya akan menerima beliau apabila beliau dilantik Menteri Besar setahun kemudian?

Kita harus ingat Pilihanraya Umum Tahun 1999 unik bagi sejarah negara ini. Orang Melayu terbelah dua dan UMNO berada pada kedudukan yang mencemaskan. Untuk kali pertama dalam sejarah, UMNO mendapat kerusi kurang dari separuh yang diperolehi oleh Barisan Nasional (BN). UMNO hanya memperoleh 72 kerusi dari 148 kerusi Parlimen BN. UMNO juga memperoleh hanya 176 kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 281 kerusi untuk BN. Malah di banyak kawasan majoriti Melayu, calon UMNO yang bertanding memerlukan undi orang Cina dan India untuk memang. Undi popular bagi BN juga adalah yang kedua terburuk dalam sejarah, hanya 56 peratus, baik sedikit dari tahun 1990 apabila BN hanya memperoleh 52 peratus undi popular.

Selangor - yang secara tradisi kubu kuat UMNO - juga menerima padahnya.

Di Sungai Panjang pada tahun 1999, beliau memperoleh 4,243 undi berbanding dengan calon PAS, Mohd Fadzin Taslimin yang mendapat 4,078. Dr. Mohamad Khir Toyo mungkin merupakan calon Menteri Besar yang mendapat kemenangan paling tipis dalam sejarah negara ini. Lebih malang lagi, Dr. Mohamad Khir Toyo mewarisi Selangor yang

bersarang dengan masalah - kontroversi pimpinan tertinggi, kejayaan PAS merampas beberapa buah kerusi Dewan Undangan Negeri malah Parlimen dan morale pemimpin dan ahli UMNO yang terjejas.

Selangor di bawah Dr. Mohamad Khir cepat membuat perubahan. Pengkritiknya ternyata salah. PAS yang mengharapkan akan mengulangi kejayaan cemerlang mereka di Selangor berdepan dengan realiti pahit pada Pilihanraya Umum 2003. Dr. Mohamad Khir tidak boleh diremehkan keupayaannya. Benar, sebagai orang politik beliau tidak terkecuali dari membuat kenyataan besar dan gah. Tetapi hakikatnya beliau seorang yang cuba mengotakan janji politiknya - dan tidak menganggap kenyataan politik sebagai lesen untuk memperdaya rakyat.

Banyak orang menganggap Selangor sudah cukup tersedia prasarananya, lalu tidak banyak lagi yang boleh dilakukan oleh beliau. Pemimpin negeri yang mendahului beliau telah memberikan wajah dan corak Selangor yang kita lihat hari ini. Dr. Mohamad Khir hanya perlu "meneruskan" apa yang telah tersedia. Tidak begitu halnya dengan beliau. Selangor menggelegak dengan pelbagai kegiatan dan Selangor di bawah beliau menjadi kawah kegiatan ekonomi yang penting bagi negara.

Lebih penting lagi ialah beliau memberi pengisian rohani pada hiruk-pikuk dan intensiti kegiatan yang dilabelkan "pembangunan" itu. Beliau menekankan konsep 4E yang berteraskan Pendidikan, Kecekapan, Keberkesanan dan Sasaran Kerajaan Elektronik untuk Selangor. Beliau juga memberikan payung keagamaan yang secukupnya tanpa perlu mengambil sikap *holier-than-thou* yang melampau dalam melaksanakan dasar-dasar penerapan nilai-nilai

Islam. Tidak kurang pentingnya, beliau menekankan kualiti hidup rakyat di bandar serta memberi keutamaan usaha meningkatkan ekonomi luar bandar. Penekanan pada keperluan perumahan di bandar menjadikan beliau obses untuk melihat Selangor menjadi negeri "Setinggalan Sifar" pada tahun 2005.

Selangor - di sebalik merecupnya bangunan pencakar langit dan sekian banyak lambang kemegahan kota - masih pada dasarnya sebuah negeri pertanian. Malah kesungguhan Selangor memperkasa sektor pertaniannya bukan sekadar retorik politik. Selangor mempunyai sasaran 2010 untuk pertanian yang memungkinkan sektor itu menyumbang paling kurang RM10 bilion pada ekonominya. Malah Selangor telah menggubal "*Blue Print* Pembangunan Pertanian 2005-2010" yang bertujuan menggariskan langkah-langkah untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor utama dan menjadi injin pertumbuhan ekonomi yang ketiga terpenting bagi negeri itu.

"*Blue print* pertanian" ini ternyata yang paling *ambitious* di antara negeri-negeri di Malaysia. Tumpuan bukan sahaja diberikan pada aspek produktiviti pertanian, pelaksanaan aktiviti perladangan berskala besar, penggunaan teknologi pertanian terkini, penggalakan penggunaan varieti atau baka tanaman, ternakan dan perikanan yang punya nilai eksport tetapi juga menghasilkan produk berkualiti serta selamat dimakan.

Inilah sebenarnya citra seorang pemimpin muda yang berasal dari anak petani miskin dan orang kampung yang sebenar. Beliau tentulah lebih faham makna meningkatkan kemampuan ekonomi para petani di negeri itu. Oleh sebab itulah Selangor cepat menyahut

cabaran dasar baru pertanian yang disarankan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sekali lagi, oleh kerana "cetusan" yang terkandung dalam buku ini agak selektif, banyak gagasan dan ideanya tidak dapat dimuatkan dalam koleksi ini. Kita hanya melihat reaksi beliau terhadap isu - dari Islam progresif, konsep "Melayu Baru", makna berpolitik matang, aspek kenegaraan dan perpaduan serta isu-isu antarabangsa.

Maka itu, kita tidak melihat response atau reaksi beliau terhadap isu-isu dasar yang lain. Mungkin kekurangan ini dapat diimbangi oleh penerbitan ucapan-ucapan dasar beliau atau kertas kerja yang beliau sumbangkan selama ini. Apa yang harus dipuji ialah kesediaan beliau menyatakan pendirian secara terbuka di media - tugas yang bukan senang dan risiko yang bukan kecil. *The danger is always in the neatness of identification*, kata seorang dramatis tersohor apabila dia diminta menulis tentang pendapatnya secara terbuka. "Bacalah, telaahlah dan fahamilah saya melalui karya-karya saya," katanya.

Bahaya ahli politik menulis ialah dia akan meletakkan mercu tanda pemikirannya untuk kemudian dinilai, dijadikan kriteria ukuran dan bahan kecaman. Banyak yang mengambil jalan selamat untuk menggunakan prestasi kerjanya dari menulis secara terbuka.

Salah satu kelebihan Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin politik ialah kesediaannya menulis idea dan gagasannya - walaupun sekontroversil mana. Malah Dr. Mahathir sentiasa bersedia untuk menyampaikan pandangan itu di mana forum sekalipun - dalam bentuk kertas kerja atau teks ucapan yang

kemudiannya menjadi dokumentasi ilmu yang sangat berharga. Dari ucapan dan kertas kerja inilah lahirnya, antara lain, buku-buku seperti *Islam and the Muslim Ummah* dan *Globalisation and the New Realities*. Dr. Mohamad Khir nampaknya mencontohi kaedah yang terpuji ini.

Terlalu awal untuk menilai kejayaan atau kelemahan politik Dr. Mohamad Khir, atau prestasinya sebagai Dato' Menteri Besar. Malah politik terlalu ampuh untuk diletakkan kayu ukur pencapaian, terlalu kabur untuk difaham secara rambang dan pemainnya terlalu *unpredictable* untuk dibaca secara mudah. Dan politik terlalu kompleks untuk dimengertikan mengikut jalur logik yang lumrah. Agaknya kerana itulah, tokoh politik terkemuka Perancis Charles de Gaulle pernah berkata, "*politics are too serious a matter to be left to politicians.*"

xvi

Lagi pula, banyak pemerhati politik sudah meletakkan prasangka awal pada tokoh politik. Apapun yang ditulis oleh Dr. Mohamad Khir, baik pengertiannya mengenai Islam progresif atau nilai perpaduan bagi rakyat negara ini akan dilihat dari kaca mata yang berkelabu. Seorang tokoh politik Inggeris pernah berkata, "*Politicians neither love nor hate. Interest, not sentiment, governs them.*" Tidak hairanlah kalau aspek "kepentingan" ini selalu mengelabui perspektif dan penilaian kita terhadap orang politik.

Saya juga percaya bahawa bukan isu kebenaran yang patut dihujahkan dalam menilai koleksi ini. Kebenaran terlalu elusif untuk diukur dan terlalu subjektif untuk dinilai. Lagi pula kita bukan bercakap tentang "Kebenaran Mutlak" (*Absolute Truth*) di sini. Dr. Mohamad Khir mempunyai misi yang tersendiri mi-

salnya untuk menegur agar bangsanya tidak menjadi bangsa yang berjiwa kecil dan berminda marginal untuk mengelak dari disisih sebagai hanya nota kaki sejarah. Kita harus melihat makna dan semangat dari pemikirannya, bukan mencari helah untuk menolak pandangannya semata-mata kerana penulisnya "berkepentingan." Bagi saya, jikalau "kepentingan" itu ialah untuk memperkasa bangsa, agama dan negaranya, maka sudah pastilah "kepentingan" itu wajar malah sah atau *legitimate*.

Supaya berlaku adil pada mana-mana pemimpin politik - tanpa niat untuk menjadi *apologist* bagi mereka - bukan kecil beban yang digalas, bukan mudah tanggungjawab yang diharap dan bukan ringan tanggungjawab moral yang dihadapi mereka. Betapa berat mata memandang, berat lagi mahu memikul. Mereka boleh dikecam kerana salah membuat keputusan tetapi mereka akan dikutuk kalau enggan dan takut membuat sebarang keputusan. Inilah dilema terbesar mana-mana pemimpin politik. Sebarang usaha untuk merehankan mereka harus difaham dari konteks ini. Dr. Mohamad Khir tidak terlepas dari galas tanggungjawab moral dan matlamat untuk mencari kebenaran - walau apapun definasi kita mengenainya.

Saya tidak tahu bagaimanakah "cetusan" ini akan "dibaca" oleh umum - mungkin juga dengan bias atau prasangka - kerana penulisnya orang politik yang turut menyatakan pendirian populisnya tentang sesuatu isu. Dan pada waktu yang sama turut mengkritik "orang di sebelah sana." Tetapi itu bukan alasan untuk menolak koleksi ini. Nilailah secara jujur dan terbuka kerana selagi kita yakin pada kebebasan bersuara dan hak individu menyatakan pendirian - kita sebenarnya bera-

da di tapak yang betul.

Saya percaya kita semua mengalu-alukan tulisan ini sebagai bukti bahawa masih ada ahli politik kita yang tidak sahaja bersedia mendepani massa di pentas politik terbuka tetapi sanggup menghujahkan pendirian mereka untuk dinilai oleh kalangan pembaca umum dan ilmuan yang kritis di dalam media.

Datuk Johan Jaaffar  
Fellow INMIND

Petaling Jaya  
30 Ogos 2004

## CETUSAN: ISLAM PROGRESIF

*‘Ulama’ Seleweng Punca Islam Dituduh  
Tidak Rasional*

“ISLAM adalah agama keamanan dan kesederhanaan. Jika ia tidak kelihatan begitu hari ini, ia bukanlah disebabkan oleh Islam itu sendiri, tetapi oleh tafsiran mereka yang kononnya terpelajar mengenai Islam bagi memenuhi kepentingan peribadi atau penaung mereka.

“Jika hari ini Islam dianggap agama mundur, ganas dan mempunyai penganut yang tidak rasional, ia bukanlah disebabkan Islam itu sendiri sebagai satu kepercayaan dan cara hidup.”

“Ia diakibatkan penganutnya yang tersasar daripada asas Islam itu sendiri serta mereka sudah menyelewengkan ajarannya bertujuan mengabsahkan cita-cita dan ketamakan peribadi.”

Itulah antara ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada sesi khas Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai “Peranan Islam Dalam Negara Moden” di New York, baru-baru ini.

Ia adalah pengenalpastian terbaik kenapa umat Islam walaupun menganut satu agama yang amat progresif dikaitkan dengan kemunduran, keganasan dan ketidakrasionalan.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir memberikan dua penyebab utama kenapa perkara ini boleh berlaku.

ISBN 983-9184-69-5



9 789839 184693



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA